

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' NORAINI BINTI AHMAD
(PARIT SULONG)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATO' NORAINI BINTI AHMAD [PARIT SULONG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah Kementerian bagi mengelakkan pertambahan pengelak cukai selain daripada tindakan penalti yang dikenakan tiga kali ganda daripada jumlah cukai yang mungkin akan menambah lagi beban kepada 1.7 juta individu yang berjaya dikesan lari dari membayar cukai sehingga Mac 2016.

JAWAPAN

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Kewangan melalui Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) akan sentiasa melakukan pelbagai strategi, inisiatif dan perubahan bagi memastikan semua ruang, peluang dan potensi yang ada dapat

digunakan untuk mengurangkan pertambahan pengelak cukai.

2. Pelbagai langkah diambil secara berterusan bagi memastikan tiada ketirisan hasil cukai negara oleh pengelak cukai. Langkah berkenaan adalah seperti berikut:

- i. LHDNM memberikan tumpuan utama kepada pemantapan dan pelaksanaan program pematuhan audit cukai melalui aktiviti audit luar dan audit meja bagi meningkatkan tahap pematuhan cukai secara sukarela di kalangan pembayar cukai di samping turut menjalankan fokus audit yang merupakan salah satu strategi dan inisiatif dalam Public Finance Reform yang bertujuan untuk mengatasi ketirisan hasil negara. Selain itu, selaras dengan pengenalan pindaan Peraturan Pindahan Harga di bawah Seksyen 140A dan Seksyen 138C Akta Cukai Pendapatan 1967 yang berkuat kuasa mulai 1.1.2009, LHDNM telah memberi penekanan terhadap isu pindahan harga luar sempadan dan isu-isu lain yang berkaitan ketirisan cukai seperti kes yang melibatkan peralihan keuntungan yang sepatutnya dilaporkan di Malaysia ke negara luar atau lebih dikenali sebagai Base Erosion and Profit Shifting (BEPS).
- ii. LHDN secara berterusan menjalankan siasatan ke atas kes yang melanggar akta yang ditadbir oleh LHDN. Objektif utama penyiasatan cukai adalah untuk memastikan jumlah cukai yang

dilaporkan adalah tepat, mengenalpasti pihak yang melakukan kesalahan untuk didakwa di mahkamah, membendung aktiviti pelarian cukai dan meningkatkan pematuhan cukai secara sukarela. Terdapat 2 kategori penyiasatan yang dijalankan oleh LHDNM seperti berikut:

- Siasatan sivil - Mengesan pelarian cukai dan pengelakan cukai dengan tujuan utama untuk memperolehi cukai yang kena dibayar daripada pembayar cukai terlibat serta penalti yang tinggi untuk meningkatkan pematuhan cukai; dan
- Siasatan jenayah - Mengumpul bukti-bukti sahih yang menjurus kepada tindakan lebih tegas untuk mensabitkan kes pelarian cukai. Pembayar cukai yang didapati bersalah akan dikenakan penalti, hukuman denda dan / atau penjara

iii. LHDNM juga telah memantapkan lagi fungsi perisikan dan pengesanan dengan menambah baik aktiviti yang dijalankan iaitu:

- Pengendalian operasi iaitu meneruskan aktiviti kunjungan Mesra Hasil, lawatan banci bisnes dan melaksanakan program *task force*;
- Pembangunan zon ekonomi iaitu menyediakan profiling kawasan, menjalankan analisa demografi dan melakukan tinjauan ekonomi;

- Pengurusan Info Media iaitu mengenal pasti maklumat berpotensi daripada media elektronik, internet dan media sosial;
- Pengumpulan maklumat daripada pelbagai sumber dalaman dan luaran LHDNM;
- Melakukan aktiviti perisikan, mengendalikan aduan awam dan melaksanakan program intipan; dan
- Membentuk jaringan kerjasama dengan melakukan kunjungan hormat ke agensi terpilih dan mengeratkan hubungan kerjasama sedia ada.

iv. Sekatan perjalanan ke luar negara bagi pembayar cukai yang masih gagal menjelaskan cukai tertunggak setelah semua tindakan di atas telah diambil dan tidak mendapat kerjasama penuh dari pembayar cukai.

3. Pemberian insentif pengurangan penalti seperti yang diumumkan semasa Pengubahsuaian Bajet 2016 yang lalu bagi menggalakkan pembayar cukai tampil secara sukarela melaporkan pendapatan tahun ke belakang dan juga menyelesaikan amaun tunggakan cukai mereka. Tawaran insentif adalah seperti berikut:

- i. Pengurangan penalti pada kadar tertentu bagi pengakuan secara sukarela tertakluk kepada:

- Pembayar cukai yang masih belum mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) atau Borang Nyata Petroleum (BNP) tahun ke belakang (kes lewat hantar BNCP atau BNP);
- Pembayar cukai yang telah mengemukakan BNCP atau BNP tetapi tidak melaporkan maklumat cukai pendapatan dengan betul.
- Pelupus yang gagal melaporkan pelupusan harta tanah dalam tempoh yang ditetapkan; dan
- Pembayar duti yang gagal mengemukakan surat cara untuk disetemkan dalam tempoh yang ditetapkan.

ii. Penghapusan kenaikan cukai kepada pembayar cukai yang membayar amaun tunggakan cukai pendapatan, cukai petroleum, cukai keuntungan harta tanah atau cukai pegangan sebelum atau pada 15 Disember 2016.

Tawaran ini telah bermula pada 1 Mac 2016 dan akan berakhir pada 15 Disember 2016. Pertimbangan pengurangan penalti dan penghapusan kenaikan cukai ini tertakluk kepada merit sesuatu kes dan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh LHDNM.

4. LHDNM sentiasa berusaha untuk menambah baik dan mempelbagaikan inisiatif bagi mendidik masyarakat melalui program pendidikan dan kesedaran mengenai tanggung jawab membayar

cukai pendapatan. Pelbagai program telah dijalankan meliputi seminar, forum dan roadshow serta taklimat percukaian. Selain itu, LHDNM turut membuat edaran bahan pendidikan percukaian dalam bentuk risalah, flyers dan poster, promosi, iklan, talk show dan kenyataan media, perluasan perkhidmatan HASiL4U di luar pejabat, menerima lawatan pelajar institusi pengajian tinggi awam, swasta atau organisasi lain. Di samping itu, inisiatif untuk mendampingi generasi muda supaya kesedaran mengenai cukai dapat diterapkan seawal usia di peringkat kanak-kanak dengan membuka ruang pameran di Kidzania Kuala Lumpur.